

Utusan Malaysia - BNM: Rizab Antarabangsa Meningkatkan AS\$103.7b

 Rabu, Feb 07 2018

BNM: Rizab antarabangsa meningkat AS\$103.7b

UM 7/2

KUALA LUMPUR 6 Feb. -

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) meningkat sedikit kepada AS\$103.7 bilion pada 30 Januari 2018, daripada AS\$103 billion pada 15 Januari 2018.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini, bank pusat itu berkata, kedudukan rizab itu memadai untuk membiayai 7.2 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar jangka pendek.

Menurut BNM, komponen utama rizab antarabangsa adalah rizab mata wang asing (AS\$97.1 bilion), kedudukan rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (AS\$0.8 bilion), Hak-hak Pengeluaran Khas (SDRs) (AS\$1.2 bilion), emas (AS\$1.5 bilion) dan aset rizab lain (AS\$3.1 bilion). - BERNAMA

